

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 OCTOBER 2016

Jiwa rakyat Tun M sudah hilang

Um - 12/10/2016

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Keperibadian Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin berjiwa rakyat dan sentiasa mendahulukan kepentingan pembangunan negara ini pada satu ketika dahulu dilihat sudah terkubur kerana hanya mengutamakan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Presiden MyPPP, Tan Sri M. Kayveas berkata, propaganda PPBM yang pada awalnya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak membuatkan Dr. Mahathir bergabung dengan DAP sekali gus mengakis nilai asas perjuangan politik bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, selepas mewujudkan jurang persahabatan dengan Najib, Dr. Mahathir mengambil keputusan meninggalkan UMNO

dan kini beliau sengaja bermusuhan dengan parti pembangkang lain dengan mengangkat anak lelakinya, Datuk Seri Mukhriz untuk menjadi Perdana Menteri.

"Permusuhan yang sengaja dibina ini menunjukkan dengan jelas bahawa Dr. Mahathir sudah tiada nilai kasih sayang terhadap negara kita seperti yang diperjuangkannya semasa menjadi Perdana Menteri dahulu.



M. KAYVEAS

"Beliau seperti tidak lagi mengambil berat penderitaan rakyat malah memberi risiko kehancuran kepada ekonomi dan perpaduan pelbagai kaum di negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika menghadiri Hari Perkhidmatan Pelanggan di Ibu pejabat MyPPP di sini hari ini.

Dalam pada itu, Kayveas berkata, Dr. Mahathir sepatutnya mendapatkan keper-

cayaan rakyat dan bukannya bersekongkol dengan pembangkang yang pastinya mempunyai agenda berbeza daripada pemikiran beliau.

"Keikhlasan perjuangan politik Dr. Mahathir sudah tiada kerana propaganda PPBM bukan sahaja ingin menjatuhkan Najib malah dengan jelas mengetepikan prinsip, maruah dan keperibadian yang beliau miliki dahulu," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, rakyat pada hari ini berada dalam zon kritikal kerana sudah terlalu banyak menerima hasutan pihak pembangkang yang disebar dengan cepat melalui media sosial.

"Banyak usaha kerajaan untuk memperbetulkan semua isu yang dibangkitkan pihak pembangkang di media sosial atas tujuan meracuni minda masyarakat seolah-olah gagal menyebabkan situasi politik negara mengundang pelbagai risiko," katanya.